

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

SOALAN NO. 10

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah nilai dan peratusan pegangan ekuiti Melayu dan Bumiputera dalam pasaran terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam konteks pemilikan ekuiti korporat Bumiputera, Kerajaan telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera di peringkat nasional. Tahap pencapaian pemilikan ekuiti Bumiputera berasaskan nilai tara (*par value*) dari tahun 1980 sehingga 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	1980	1990	2000	2010	2011
Pemilikan ekuiti Bumiputera	12.5%	19.3%	18.9%	23.1%	23.4%

Sumber: Kementerian Hal Ehwat Ekonomi

Sekian, terima kasih.